

COVID-19: Samarahan kembali sebagai zon kuning

Astro Awani

27 Mei 2020

Syafik Shukri Jalil,

KUCHING: Selepas mencatatkan satu kes positif terbaharu positif COVID-19 pada Rabu, daerah Samarahan kembali diumumkan sebagai zon kuning COVID-19 di negeri Sarawak.

Sebelum ini, daerah Samarahan bertukar status kepada zon hijau pada 20 Mei lalu apabila tidak mencatatkan sebarang kes positif wabak itu selama 14 hari.

Perkara itu diumumkan Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana (JPBN) Sarawak, Datuk Amar Douglas Uggah Embas menerusi sidang media harian COVID-19 di Kuching pada Rabu.

“Daerah Samarahan bertukar status daripada zon hijau kepada zon kuning, bagaimanapun jumlah status daerah berstatus kuning setakat hari ini (Rabu) kekal dengan lima kawasan dan daerah berstatus hijau sebanyak 35 kawasan,” jelasnya.

Pada masa sama, Uggah turut mengumumkan bahawa daerah Sibul telah bertukar status daripada zon kuning kepada zon hijau.

Antara lain Sarawak hari ini mencatatkan tiga kes positif terbaharu menyaksikan dua kes dari daerah Kuching dan satu kes dari daerah Samarahan.

Menurut Uggah, tiga kes positif itu dikesan hasil daripada usaha penjejakan kontak di dua daerah tersebut. Bagi kes positif di daerah Samarahan, kes berlaku apabila pelajar Kolej I-System yang positif dari Tanjung Manis telah berkunjung ke rumah kawannya di Samarahan.

“Menerusi penjejakan kontak pelajar kolej I-System ini, 11 kontak rapat adalah negatif dan 14 lagi masih menunggu ujian makmal.

“Manakala dua kes positif di Kuching pula, 25 kontak rapat telah disaring dan keputusan adalah negatif,” katanya.

Seterusnya tambah Uggah, dua kes positif di Kuching juga menyaksikan 25 kontak rapat telah disaring dan keputusan adalah negatif.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid-19-samarahan-kembali-sebagai-zon-kuning-244503>